



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian

## Senarai peniaga BTS perlu dihantar ke MPOB

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Kuching:** Bermula Mei ini, semua pengilang dan pusat pengumpulan sawit perlu menghantar senarai nama penjual buah tandan segar (BTS) yang berurusan dengan mereka setiap bulan kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata langkah itu bertujuan mengekang kegiatan mencuri BTS yang serius, terutama di Sarawak.

Menurutnya, kawasan yang terbabit secara serius dengan kes kecurian BTS termasuk Samarahan, Sibul, Mukah, Kapit dan Miri.

“Sepanjang tahun lepas, kementerian menerima 173 aduan mengenai kegiatan itu di Sarawak, manakala bagi Januari hingga Mac lalu sebanyak 82 aduan,” katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mengenai isu kecurian BTS di Sarawak, baru-baru ini.

Dalam usaha mengekang kejadian itu sebelum ini, pengilang dan pusat pengumpulan dikehendaki menghantar laporan

► Lihat Muka 2



“Langkah bertujuan mengekang kegiatan mencuri BTS yang serius, terutama di Sarawak”

**Datuk Amar Douglas Uggah Embas,**  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



**Datuk Amar Douglas Uggah Embas** mempengerusikan sesi perbincangan dua hala bersama delegasi Ahli Parlimen Perancis. Turut serta Datuk Himmat Singh, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May.

# Malaysia, Perancis adakan perbincangan

»Pelbagai isu perdagangan produk sawit ke Kesatuan Eropah dibincang

Oleh Eliza Johari  
elyzajoe@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan delegasi yang terdiri empat Ahli Parlimen Perancis.

Delegasi diketuai Ahli Parlimen Perancis, Gerard Miquel yang juga Presiden 'France-Southeast Asia Inter-parliamentary Friendship Group dan Duta Besar Perancis ke Malaysia, Christophe Penot.

Ketibaan delegasi disambut Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh; Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

### Isu pelabelan

Ketika kunjungan hormat kepada Datuk Amar Douglas Uggah Embas, pelbagai isu berkaitan dengan perdagangan produk sawit ke Kesatuan Eropah (EU) dibincangkan termasuk isu pelabelan 'Tanpa Minyak Sawit', isu pembangunan kemampuan sawit di Malaysia dan persepsi negatif terhadap aspek kesihatan minyak sawit berbanding minyak sayuran lain.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengambil berat mengenai pelaksanaan Peraturan Maklumat Makanan (FIR) di EU.

Beliau menjelaskan peraturan makanan itu memerlukan semua pengeluaran produk makanan untuk mengenal pasti minyak sayuran yang khusus digunakan. Bagaimanapun, setengah negara mengambil peluang ini dengan menunjukkan bahawa produk mereka dibuat tanpa menggunakan minyak sawit.

Beliau berkata, terdapat 687 produk dengan 603 daripadanya dilabelkan 'Sans huile de palm' atau 'Tanpa Minyak Sawit' di Perancis.

“Pelabelan 'Tanpa Minyak Sawit' ini bertambah dengan pesat di Perancis dan Belgium,

116 peratus pada tahun 2014 berbanding 2013”, katanya ketika mengalu-alukan kunjungan ahli parlimen Perancis.

Empat ahli parlimen Perancis tersebut adalah Gerard Miquel, Bernard Saugey, Simon Sutour dan Marie-Hélène des Esgaulx.

### Pasaran tradisional penting

Katanya, Malaysia akan sentiasa mengagap Perancis sebagai pasaran tradisional penting dan berharap hubungan yang lebih kukuh dapat dijalinan di antara Malaysia dan Perancis terutamanya dalam perdagangan minyak sawit.

Sementara itu, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad semasa berucap mengalukan lawatan Ahli Parlimen Perancis ke MPOB berkata, industri sawit Malaysia membantu meningkatkan taraf kehidupan pekebun kecil terutama di kawasan luar bandar.

“Justeru, industri sawit bukan sahaja mampu memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara bahkan membantu meningkatkan ekonomi dan taraf hidup penduduk

luar bandar.

Ahli delegasi juga mendengar pembentangan tentang Piawaian Kemampuan Minyak Sawit Malaysia (MSPO) yang telah digubal bagi memastikan amalan pensijilan mampan meliputi semua sektor termasuk pekebun kecil.

Pembangunan MSPO sejajar perkembangan global yang semakin memberi tumpuan kepada penghasilan minyak sawit secara mampan dan seterusnya menjamin industri sawit Malaysia diurus secara mampan dan dikawal selia oleh peraturan yang ketat berkaitan pembangunan tanah dan alam sekitar.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May pula menjelaskan, pekebun kecil dan peladang digalakkan untuk mengamalkan Amalan Pertanian Baik (Good Agricultural Practices - GAP) bagi meningkatkan produktiviti industri sawit negara.

Katanya, bagi memastikan produktiviti sawit terus meningkat, MPOB terus menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan bahan tanaman bermutu tinggi melalui kaedah pembiakbakaan yang lebih baik.

“Ini bukan sahaja dapat menghasilkan benih sawit yang mempunyai penghasilan tinggi (high yielding) tetapi turut menghasilkan minyak sawit yang mempunyai kandungan fitonutrien yang tinggi,” katanya.

Lawatan delegasi ini diakhiri dengan kunjungan ke Galeri Sawit di ibu pejabat MPOB.

**K**ebanyakan aktiviti sektor perladangan yang melibatkan pengangkutan buah tandan segar (BTS) ke pusat pengumpulan, aplikasi baja dan penyemburan racun rumpai kini banyak dilakukan dengan penggunaan jentera yang meningkatkan produktiviti pekerja.

Kaedah konvensional seperti penggunaan kereta sorong, penyembur knapsack dan penyebaran baja menggunakan tangan kini berubah secara beransur-ansur kepada sistem yang menggunakan jentera mekanikal.

Bagi pekebun kecil pula, penawaran jentera kecil dengan harga yang rendah merupakan satu opsi untuk membantu penerapan dan penggunaan mekanisasi bagi membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti mereka.

Mesin atau jentera yang lebih kecil ini mampu dimiliki oleh pekebun kecil dan berupaya memasuki tanah yang lembut seperti gambut, berulun atau becak serta tidak memerlukan pengetahuan teknikal yang tinggi untuk mengendalikan atau menyelenggarakanannya.

Pada masa ini, terdapat pelbagai mesin untuk penuaian dan pengangkutan BTS yang sedang giat digunakan oleh pihak industri.

Untuk penuaian, pemotong sawit bermotor, Cantas telah diperkenalkan oleh MPOB dan sedang digunakan secara meluas oleh pihak industri. Produktiviti penuaian dan pekerja berupaya untuk ditingkatkan melebihi 30%.

Untuk pengangkutan dan pemindahan BTS pula, penggunaan jentera pengangkut beroda 3 atau 4 seperti mini traktor dengan Grabber (MTG), dan pelbagai pengangkutan lain, kini mendapat sambutan yang baik oleh pihak industri.

Kesemua jentera ini boleh membantu dan memudahkan operasi di ladang. Namun begitu, antara cabaran yang sering dihadapi dalam menerapkan sistem mekanisasi ini termasuklah keupayaan dan ketahanan mesin, sistem kerja yang berkesan serta kemahiran pekerja.

Tahun lalu, MPOB menganjurkan pertandingan mekanisasi ladang antarabangsa (International Competition on Oil Palm Mechanisation – ICOPM) yang bertujuan mencungkil ide baru dalam penciptaan peralatan dan jentera mekanisasi bagi mengubah industri sawit negara.

Pertandingan dibahagi kepada empat kategori, iaitu teknologi penuaian, teknologi pungutan buah sawit relai, teknologi pengangkutan BTS dan teknologi penjagaan tanaman.

Selapa penilaian dan perbincangan yang teliti, diputuskan kesemua peserta tidak dapat mengentengahkan konsep yang baru manakala kebanyakan prototaip yang dikemukakan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Namun begitu, atas daya usaha yang telah mereka tunjukkan, enam ciptaan telah terpilih untuk memenangi anugerah saguhati (Merit Award). Adalah diharapkan dengan penerimaan anugerah ini, usaha akan terus dipertingkatkan bagi menggalakkan lagi inovasi dalam bidang mekanisasi bagi industri sawit.

MPOB akan meneruskan usaha untuk menganjurkan pertandingan ini pada tahun ini.

Untuk ICOPM II ini, tempoh promosi akan diadakan dengan lebih lama, selama enam bulan, dengan harapan untuk menarik minat lebih ramai peserta dari luar negara dan institusi pengajian tinggi.

Tempoh penyediaan prototaip juga akan ditambah kepada enam bulan. Tarikh akhir penyertaan adalah dijangka pada bulan November 2015.

Bagi peserta yang telah menyertai ICOPM sebelum ini, mereka perlu menonjolkan penambahbaikan berbanding dengan ciptaan mereka yang terdahulu. Juara keseluruhan akan dijanjikan hadiah yang lebih baik daripada ICOPM I. Butir-butir akan diumumkan tidak lama lagi.

Justeru, MPOB berharap lebih banyak kreativiti dan inovasi dapat diketengahkan dalam ICOPM II untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan yang dapat diaplikasikan dalam sektor perladangan sawit.

Ini akan dapat menangani masalah kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan juga meningkatkan produktiviti perladangan demi memastikan industri sawit negara sentiasa berdaya saing dan menyumbang kepada transformasi negara ke arah negara berpendapatan tinggi.



**MINDA**  
Datuk Dr Choo  
Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB



Perbincangan dengan Datuk Amar Douglas Uggah Embas diadakan ketika **kunjungan delegasi Tianjin ke Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, baru-baru ini**. Turut serta Datuk Himmat Singh dan Datuk Dr Choo Yuen May.

# Delegasi Tianjin China temui Menteri MPIC

» *Bincang potensi minyak, biojisim sawit sebagai bahan api*

Oleh Yoong Jun Hao  
jhyoong@mpob.gov.my

Putrajaya

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menerima kunjungan hormat delegasi Pentadbiran Pihak Berkuasa Bandaraya Tianjin, China di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Kunjungan hormat yang diketuai Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Tianjin, Zhang Xiao Yan bertujuan membincangkan serta memahami kebaikan minyak sawit serta kegunaan biojisim sawit sebagai bahan api boleh diperbaharu.

Menurut Zhang Xiao Yan, pada masa ini Kerajaan Tianjin telah mengurangkan bilangan stesen penjanaan kuasa arang batu di bandar raya secara berperingkat bagi menangani isu pencemaran udara.

## Penuhi keperluan Tianjin

Katanya, pada tahun 2014, sebanyak 115 stesen penjanaan kuasa arang batu dimansuhkan atau ditukar kepada janaan kuasa gas.

Pada perbincangan itu, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, bahan api berasaskan biojisim sawit yang boleh diperbaharu berpotensi bagi memenuhi keperluan Tianjin.

Katanya, biojisim sawit adalah bahan api hijau yang turut digunakan sebagai bahan api di sesetengah stesen penjanaan kuasa dalam negara Malaysia.

“Selain itu minyak sawit turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan minyak dan lemak di kalangan

penduduk Tianjin.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, menurut kajian pemakanan yang dijalankan di pusat-pusat kecemerlangan antarabangsa, minyak sawit adalah berkhasiat dan tidak memudaratkan kesihatan.

Turut serta dalam perbincangan berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan dan Komoditi (MPIC), Datuk Himmat Singh, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May dan pegawai-pegawai MPIC dan MPOB.

Tianjin adalah salah satu pelabuhan penting bagi pengimportan minyak sawit di negara China.

Menurut statistik China, Malaysia telah mengeksportkan kira-kira setengah juta tan minyak sawit melalui pelabuhan tersebut.

Terdahulu, delegasi berkenaan melawat ladang sawit di Sandakan, Sabah bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai sawit.

## MPOB sedia ambil tindakan tegas

Dari muka 1

mengenai jumlah pembelian BTS kepada MPOB setiap bulan, namun bermula bulan depan langkah ini dipertingkatkan untuk turut menyenaraikan penjual, katanya.

Beliau berkata, pengilang dan pusat pengumpulan yang gagal mematuhi arahan itu akan dikenakan tindakan tegas.

Sementara itu, beliau berkata, menerusi Ops Sawit Kenyalang yang dilancarkan antara Julai dan Disember tahun lepas, MPOB mengeluarkan 278 kompaun terhadap pihak yang terbabit dalam kegiatan itu.

## Keluar surat tunjuk sebab

Selain itu, katanya, MPOB turut mengeluarkan surat tunjuk sebab untuk tujuan penggantung lesen, di samping tindakan

membatalkan tiga lesen peniaga buah.

Beliau berkata, bagi membatalkan penjualan BTS secara haram, usaha secara bersepadu dilaksanakan antara pihak industri, MPOB dan polis.

“Ini termasuk sekatan jalan raya, menyemak rekod penjualan serta menentukan kesahihan lesen penjualan daripada penjual ke pusat pengumpulan dan seterusnya ke kilang,” katanya.

# Saranan tingkat teknologi, mekanisasi

» *Industri sawit perlu eksploitasi peluang baharu*

Oleh **Fadzil Ghazali**  
afadzilg@mpob.gov.my

► BANGI

Industri sawit disaran mem-  
peringkatkan kemampuan di  
bidang teknologi dan meka-  
nisasi untuk memastikan ia tidak  
dibelenggu oleh produktiviti ren-  
dah, kebergantungan tinggi ter-  
hadap tenaga buruh asing dan  
permasalahan isu kemampunan  
serta alam sekitar.

Pengerusi Lembaga Minyak Sa-  
wit Malaysia (MPOB), Dato' Ar  
Wan Mohammad Khair-il Anuar  
Wan Ahmad, berkata teknologi  
dan ciptaan baharu adalah pen-  
ting untuk industri sawit terus  
maju ke hadapan.

"Industri sawit mesti mengek-  
sploitasi peluang baharu beriku-  
tan daripada cetusan teknologi di  
sektor ini dan mengambil kesem-  
patan yang ada di sektor hiliran  
serta menghasilkan produk nilai

tambah dalam bidang makanan  
dan bukan makanan," katanya  
ketika merasmikan Mesyuarat  
Programme Advisory Committee  
(PAC) Ke-35 di sini.

## Jana pertumbuhan ekonomi, taraf hidup

Beliau berkata, industri sawit  
adalah satu sektor penting di Ma-  
laysia dalam menjana pertum-  
buhan ekonomi dan memper-  
tingkatkan taraf kehidupan pen-  
duduk luar bandar.

"Ia menjadi komponen terbes-  
ar dalam sektor pertanian ne-  
gara dengan lebih 70 peratus ta-  
nah pertanian di Malaysia ditan-  
am dengan sawit. Ia juga  
memberi pekerjaan kepada lebih  
610,000 penduduk termasuk  
177,000 pekebun kecil," katanya.

Di bawah Program Transfor-  
masi Ekonomi (ETP) Kerajaan,  
sektor sawit memiliki program  
tersendiri untuk meningkatkan  
sumbangannya kepada Keluaran  
Dalam Negara Kasar (KDNK) me-  
lalui Projek Permulaan (EPPs) di  
bawah Bidang Ekonomi Utama  
Negara (NKEA) Sawit.

Katanya, kerajaan mengadakan  
makmal NKEA pada awal tahun  
ini untuk mempertingkatkan EP-  
Ps sedia ada bagi memastikan ia

bersesuaian menghadapi per-  
kembangan terbaru dan cabaran  
di sektor perdagangan lelemak  
dan minyak dunia.

Beliau juga berkata, tahun 2014  
adalah tahun mencabar buat in-  
dustri sawit negara berikutan  
musim hujan berlanjutan pada  
hujung tahun serta jumlah stok  
yang tinggi pada tempoh itu.

Namun begitu, sektor sawit ne-  
gara masih mampu mencatat  
prestasi baik berbanding tahun  
2013 yang mana pengeluaran dan  
nilai eksport barangan sawit me-  
ningkat sedikit.

Pengeluaran minyak sawit  
mentah (MSM) pada tahun 2014  
meningkat 2.3% ke 19.67 juta tan  
pada tahun 2013 berikutan kadar  
perahan yang tinggi serta wu-  
judnya kawasan sawit baharu di  
Sarawak.

Jumlah eksport barangan sawit  
pada tahun 2014 menurun ke  
25.02 juta tan berbanding 25.70  
juta tan pada tahun 2013. Ba-  
gaimanapun, nilai eksport me-  
ningkat ke RM63.46 bilion pada  
tahun 2014 berbanding RM61.36  
bilion pada tahun 2013 berikutan  
harga purata yang agak tinggi  
pada tahun 2014 iaitu pada tahap  
RM2,383.50 satu tan.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad ketika berucap merasmikan Mesyuarat PAC Ke-35 di Ibu Pejabat MPOB.

## Pengerusi MPOB adakan lawatan rasmi ke AS

Oleh **Johari Minal**  
johari@mpob.gov.my

**Amerika Syarikat:** Penge-  
rusi Lembaga Minyak Sa-  
wit Malaysia (MPOB), Dato'  
Ar. Wan Mohammad  
Khair-il Anuar Wan Ah-  
mad baru-baru ini menga-  
dakan lawatan rasmi ke  
Amerika Syarikat (AS) bagi  
menghadiri persidangan  
National Institute of Oilse-  
eds Producers (NIOP) serta  
Forum Kelestarian.

Pada persidangan itu,  
beliau turut mengadakan  
perbincangan dengan pel-  
bagai pihak bagi mempro-

mosikan kelestarian mi-  
nyak sawit.

### Kongsi pengalaman program kelestarian

"Industri minyak sawit Ma-  
laysia berjiwa besar kerana  
boleh bersemuka dan ber-  
bincang dengan 'musuh' i-  
aitu pihak Kesatuan Lemba-  
ga Kacang Soya (United So-  
ybean Board - USB) bagi  
berkongsi pengalaman ba-  
gaimana industri minyak  
sawit berjaya melaksana-  
kan program kelestarian  
yang diterima pada perin-  
gkat antarabangsa", katanya.

Industri kacang soya ju-  
ga berhadapan dengan

masalah kelestarian wa-  
laupun tidak sehebat di-  
alami minyak sawit akibat  
tekanan oleh badan-badan  
bukan kerajaan.

Pada forum itu, beliau  
turut memberi penera-  
ngan berkenaan usaha ke-  
rajaan meningkatkan ke-  
lestarian minyak sawit Ma-  
laysia terutama sektor  
pekebun kecil melalui Ma-  
laysian Sustainable Palm  
Oil (MSPO) iaitu standard  
kelestarian industri sawit.

Katanya, melalui pende-  
katan ini, semua pihak ter-  
libat dalam industri sawit  
termasuk pekebun kecil  
mampu mendapatkan  
pensijilan kelestarian de-  
ngan bantuan dan tunjuk  
ajar daripada MPOB.

Pihak USB amat berte-  
rima kasih dengan sikap  
terbuka industri sawit Ma-  
laysia dan menjemput  
MPOB serta penggiat indus-  
tri sawit untuk melawat la-  
dang soya dan belajar me-  
ngenai industri soya.

Sebelum ini, pihak soya  
yang diketuai USB telah-  
pun melawat Malaysia dan  
ladang sawit bagi mempe-  
lajari industri sawit de-  
ngan lebih mendalam.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il pada sesi perbincangan bersama Kesatuan Lembaga Kacang Soya (United Soybean Board - USB) di Amerika Syarikat.



## 21<sup>st</sup> MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY Seminar 2015

TUESDAY, 9 JUNE 2015

Dewan Sawit, MPOB Head Office Bangi, Selangor

Officiated by :

YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS

Minister of Plantation Industries and Commodities.

A Platform for Business, Networking and Partnership Opportunities

### EVENT HIGHLIGHTS

- Seminar on new technologies and services
- Showcase of technologies for commercialisation
- Interaction with inventors, venture capitalists

### The Seminar is highly recommended for:

- Entrepreneurs
- Small and Medium Entrepreneurs (SMEs)
- Planters, Agriculturists
- Venture Capitalists
- Engineers, Professionals
- R&D Personnel/Scientists
- Food Technologists, Chemists
- Millers/Traders/Processors
- Manufacturers

DO NOT MISS THIS OPPORTUNITY!

Registration Fees RM 100.00 + (6% GST until 4th June 2015)  
Registration Fees RM 120.00 + (6% GST after 4th June 2015)

### ENQUIRIES

Registration :  
HRD & CONFERENCE MANAGEMENT UNIT  
• Rubaah Mastri Tel: 03-8769 4567  
E-mail: rubaah@mpob.gov.my  
• Salmah Hussin Tel: 03-8769 4873  
E-mail: salma@mpob.gov.my  
Fax: 03-8925 7549 / 8926 1743

Technical :  
CORPORATE IMPLEMENTATION & CONSULTANCY UNIT  
• Suraya Mohamad Tel: 03-8769 4579  
• Syed Mohd Hazy Tel: 03-8769 4605  
• Syed Hamid  
• Jalaludin Omar Tel: 03-8769 4882  
E-mail: cicu@mpob.gov.my  
Fax: 03-8926 1337

For further information please visit: [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

# Tanzania minat pelajari industri sawit

» Tanah pertanian potensi jadi hub pasaran minyak sawit

Oleh Mohd Saufi Awang  
saufi@mpob.gov.my

► Bangi

**K**ejayaan membangunkan industri sawit sebagai tunggak sektor komoditi pertanian dan penjana ekonomi negara menarik minat delegasi Tanzania untuk mempelajari kepakaran dan pengalaman Malaysia dalam industri sawit.

Ini dinyatakan oleh delegasi Ahli Parlimen Tanzania semasa pertemuan dengan



Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il bersalaman dengan delegasi dari Tanzania ketika lawatan ke MPOB, baru-baru ini.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad di Ibu Pejabat MPOB.

Delegasi tiga ahli parlimen Tanzania yang menganggotai Jawatankuasa Pertanian, Pen-

ternakan dan Air diketuai oleh Dr Goodluck Ole Medeye mengunjungi MPOB semasa dalam rangka lawatan kerja ke Malaysia. Lawatan delegasi berkenaan ke MPOB disertai oleh Duta Tanzania ke Ma-

laysia, Dr Aziz Mlima dan pegawai kedutaan.

Dalam pertemuan berkenaan, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il berkongsi kejayaan Malaysia membangunkan industri sawit yang kini adalah sektor ekonomi ketiga terpenting dari segi sumbangan kepada pendapatan eksport negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 600,000 keluarga.

## Tingkat taraf ekonomi

Pada tahun 2014, eksport minyak sawit dan produk keluarnya menjana pendapatan eksport sebanyak RM63.46 bilion.

Katanya, pembukaan skim tanah pertanian yang dikendalikan oleh FELDA telah meningkatkan keluasan tanaman sawit yang diusahakan oleh peneroka dan meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar.

"Tanaman sawit yang produktif dan harga yang stabil telah memberi pulangan ekonomi yang lebih baik berbanding tanaman lain menyebabkan lebih ramai pekebun kecil dan pengusaha ladang beralih kepada penanaman sawit," katanya.



Thomas Mielke

## Dunia makin bergantung pada minyak sawit

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

**Bangi:** Kepentingan sawit akan terus meningkat berikutan peningkatan dalam permintaan minyak masak dunia dan keperluan terhadap tanaman yang lebih efisien dan produktif.

Pengarah Eksekutif ISTA Mielke GmbH, Thomas Mielke, berkata kebergantungan dunia terhadap minyak sawit akan meningkat kerana sawit adalah tanaman paling produktif dalam menghasilkan minyak masak.

"Dunia akan memerlukan 32 juta tan lagi minyak sawit menjelang tahun 2025. Ini adalah satu cabaran hebat," kata beliau semasa membentangkan kertas kerja di Seminar PAC 2015 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini.

Indonesia dijangka mengeluarkan sebanyak 50 juta tan minyak sawit sementara Malaysia sebanyak 26 juta tan menjelang tahun 2025. Negara pengeluar minyak sawit lain pula dijangka menghasilkan sebanyak 1.5 juta tan.

Beliau menekankan bahawa pengeluaran minyak sawit lebih efisien kerana sawit memerlukan keluasan tanah 10 kali lebih rendah berbanding minyak soya dalam menghasilkan satu tan minyak masak.

Peningkatan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar dan bantahan terhadap tanaman diubah secara genetik (GMO) akan membuat minyak sawit lebih popular di kalangan pengguna, tambah beliau.

Faktor lain termasuk kekurangan kawasan tanaman dan air serta peningkatan pengeluaran secara mampan akan meningkatkan lagi peranan sawit dalam memenuhi keperluan lemak dan minyak masak dunia.

Mielke juga berkata harga minyak sayuran telah jatuh ke paras rendah selama lima tahun dan mungkin mencecah ke tahap terbawah. Harganya dijangka pulih tahun ini namun situasi ekonomi di China dan negara lain akan menjadi penentu.

"Minyak sawit adalah minyak terpenting hari ini. Pada tempoh 2014/2015, minyak sawit dan minyak isirung sawit menyumbang 33 peratus daripada jumlah pengeluaran dunia dan 61 peratus daripada jumlah eksport. Ini hanya daripada keluasan tanaman sebanyak 6 peratus sahaja," katanya.

## MPOB catat pencapaian bangunkan industri sawit negara

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

**Bangi:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah berjaya merekodkan pencapaian memberangsangkan dalam aktiviti sehingga akhir tahun 2014.

Badan penguat kuasa dan penyelidik industri sawit itu telah mencatat prestasi cemerlang dalam bidang seperti meningkatkan produktiviti pengeluaran sawit; menaikkan tahap automasi dan mekanisasi; mengawal ancaman serangga dan penyakit; memastikan industri sawit negara mampan dan mesra alam serta mengatasi kempen anti-minyak sawit; menjenamakan minyak sawit sebagai minyak premium; mempelbagai penggunaan biojisim sawit; memberi sokongan kepada pekebun kecil sawit; meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu; dan memperhebatkan aktiviti hiliran dalam pemakanan, fitonutrien dan oleokimia.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran sawit, MPOB mewujudkan baka benih sawit yang dapat mengeluarkan hasil tinggi; menggalakkan amalan perladangan baik di kalangan pekebun kecil; dan membantu pengilang mencatat kadar perahan minyak yang tinggi.

"Dengan demikian, Malaysia



Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan taklimat berkaitan pencapaian MPOB.

dapat meningkatkan pengeluaran minyak sawit tanpa meluaskan kawasan tanaman dan ini secara langsung mengurangkan kesan pelepasan gas rumah hijau," katanya ketika Mesyuarat PAC 2015 di sini baru-baru ini.

## Tingkat produktiviti

Dari segi automasi dan mekanisasi pula, MPOB berjaya menghasilkan jentera seperti Cantas Evo dan Penuai Mekanikal untuk membantu pemain industri sawit meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

MPOB juga telah mewujudkan sistem pengurusan perosak bersepadu (IPM) dan menghasilkan pelbagai baja seperti EMBIO ActinoPLUS dan GanoCare dalam usaha membantu industri sawit

mencegah serangan penyakit serta serangga perosak pada pokok sawit.

China adalah destinasi eksport besar Malaysia bagi produk minyak sawit.

Dalam usaha untuk mempromosikan kebaikan minyak sawit dan memberi jaminan minyak sawit dari Malaysia memenuhi piawai keselamatan makanan di China, MPOB menganjurkan Program Palm Oil Familiarization Program atau POFP untuk Ahli Jawatankuasa Piawai China untuk Minyak dan Bijian daripada 11 - 15 Ogos 2014 dan satu lagi POFP untuk Pegawai-pegawai Kanan Pentadbiran Am Penyelidikan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin (AQSIQ) Republik Rakyat China dari 22 hingga 25 September 2014.

Satu kajian klinikal yang melibatkan 100 subjek warga China sihat di Yixing telah dimulakan pada bulan April 2014 dan siap pada Ogos 2014. Kajian tersebut menunjukkan bahawa olein sawit bertindak seperti minyak zaitun ke atas profil lipid darah.

MPOB menemui gen warna buah sawit yang merupakan penentu penting kematangan buah sawit dan indeks penuaian. Penemuan itu telah diterbitkan dalam jurnal Nature Communication.

## Main peranan penting

Dalam penglibatan yang berterusan dengan Ahli Parlimen Eropah, MPOB menegaskan

usaha kemampanan dan pemuliharaan industri sawit. Ahli Parlimen Eropah telah diberi taklimat mengenai Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) dan juga peranan program genom dalam meningkatkan produktiviti dan kemampuan industri sawit.

Dalam pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pula, MPOB telah memainkan peranan penting dalam memastikan kesemua Projek Permulaan (EPP) berkaitan sawit dapat dilaksanakan dengan lancar.

Lapan EPP di bawah NKEA adalah mempercepatkan usaha penanaman semula dan baru sawit; mempertingkatkan hasil buah tandan segar (BTS); mempertingkatkan produktiviti pekerja; meningkatkan kadar perahan minyak sawit; membangunkan kemudahan biogas di kilang sawit; membangunkan derivatif oleo; mengkomersialkan biobahan api generasi kedua; dan mempercepatkan pertumbuhan sektor hiliran berasaskan makanan.

Dalam pelaksanaan Program Biodiesel pula, MPOB berjaya melancarkan penggunaan adunan 7 peratus biodiesel sawit dan 93 peratus diesel petroleum atau B7 di seluruh negara pada awal tahun ini.

"Pelaksanaan Program B7 telah dapat menyusutkan stok minyak sawit dan seterusnya meletakkan harga sawit pada paras yang lebih tinggi," tambah Datuk Dr Choo Yuen May.

# Sesi interaksi perkukuh kefahaman

» Beri peluang peserta kongsi maklumat minyak sawit

Oleh Rafizah Mazlan  
rafizah@mpob.gov.my

► Bangi

Lebih 90 peserta dari pelbagai syarikat dan persatuan terbabit industri sawit menyertai Sesi Interaksi antara Pengurus Serantau Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Ibu Pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Program tahunan berbentuk seminar ini dianjurkan oleh Unit Khidmat Nasihat Teknikal (TAS) MPOB, sempena kehadiran semua Pengurus Serantau di ibu pejabat pada mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) kali ke-35.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan perasmian yang dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan

dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkata, sesi interaksi seumpama ini dapat memperkukuhkan lagi kefahaman semua peserta terhadap dinamik dan kehendak pasaran minyak sawit, serta pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam memasarkan minyak sawit Malaysia.

Sesi interaksi ini menarik perhatian peserta daripada pelbagai syarikat dan persatuan yang terbabit secara langsung dalam perdagangan produk sawit Malaysia.

## Medan kongsi maklumat

Beliau turut menyarankan penggiat industri sawit tempatan agar mengambil kesempatan atas kehadiran pengurus serantau MPOB, untuk bertukar pendapat dan berbincang mengenai apa juga permasalahan yang dihadapi bagi kebaikan dan kemajuan perniagaan mereka.

“Ahli industri perlu berganding bahu dan bekerjasama dengan Pengurus Serantau MPOB untuk meningkatkan dan memudahkan urusan minyak sawit di pasaran luar negara,” katanya.



Dr Ahmad Kushairi Din ketika berucap merasmikan **Sesi Interaksi MPOB TAS Bersama Industri Minyak Sawit Malaysia**.

Melalui sesi itu, pengurus serantau MPOB menyampaikan informasi berkaitan perkembangan pasaran minyak sawit, isu serta cabaran di wilayah seliaan masing-masing.

Program ini juga adalah platform bagi penggiat industri untuk saling mengenali antara satu sama lain dan mewujudkan rangkaian kerjasama yang sihat dalam industri minyak sawit negara.

## Bentang 8 kertas kerja

Sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan dalam seminar ini yang menyentuh pelbagai perkara mengenai pasaran produk minyak sawit Malaysia di rantau Afrika, Eropah, Amerika, Asia Barat dan Asia Tengah, Timur Jauh, Asia Selatan, ASEAN dan Australasia-Ocena.

Kertas kerja berkenaan disampaikan pengurus serantau MPOB yang berpangkalan di Kaherah, Brussels, Karachi, Washington DC, Shanghai dan juga dari ibu pejabat.

Beberapa isu yang memberi kesan ke atas perdagangan dan imej minyak sawit turut dibangkitkan. Antaranya ialah perkembangan isu had pengambilan lemak tepu di Amerika Syarikat, kelestarian minyak sawit di Eropah dan Oceania, penggunaan minyak sawit dalam makanan di negara China serta peningkatan duti import minyak makan di India.

Peserta juga didedahkan dengan usaha yang dilakukan oleh MPOB untuk menjaga kepentingan pasaran minyak sawit Malaysia pada peringkat antarabangsa.

keselarian dalam pergerakan harga antara minyak sayuran dan Brent pada tempoh 2008-2009 dan tempoh 2014-2015, tambah beliau.

## Pergerakan stok MSM

Keselarian dari segi pergerakan stok serta premium MSM ke atas Brent juga wujud dalam kedua-dua tempoh. Hubungan premium MSM daripada EU dan stok adalah songsang untuk tahun 2008 hingga tahun 2009 dan tahun 2014 hingga tahun 2015.

“Kita boleh lihat hubungan songsang antara premium MSM daripada EU ke atas Brent berbanding dengan tahap stok. Apabila stok berada pada aras tinggi, premium MSM ke atas Brent adalah rendah dan sebaliknya,” kata Fry.

Beliau berkata, terdapat persamaan antara tahun 2008 hingga tahun 2009 dan tahun 2014 hingga tahun 2015 dalam fenomena hubungan songsang antara premium MSM dan dengan minyak mentah Brent North Sea.

# Harga rendah petroleum pengaruhi penggunaan biodiesel

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

**Bangi:** Metil ester sawit (PME) yang digunakan dalam adunan biodiesel berada di era mencabar untuk mengurangkan stok minyak sawit mentah (MSM) berikutan harga petroleum yang rendah ketika ini.

Pengerusi LMC International Ltd, Dr James Fry, berkata pada waktu harga petroleum pada paras rendah, PME tanpa subsidi tidak dapat menandingi minyak petroleum.

“Data bulan Mac MPOB menunjukkan stok sedang naik. Kita pula berada pada waktu musim pengeluaran



Dr. James Fry

sedang meningkat. PME tanpa subsidi tidak akan dapat bersaing dengan minyak petroleum ketika ini.

“Pada bulan Mac, PME percuma atas kapal (FOB) adalah US\$200 lebih mahal berbanding minyak petroleum FOB.

“Oleh kerana itu, permin-

taan PME tidak akan dapat menyerap lebih pengeluaran atau pun menghalang peningkatan stok kecuali MSM menjadi lebih murah,” beliau berkata demikian ketika Seminar PAC 2015 yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, di sini baru-baru ini.

## Kesan harga minyak

Beliau menekankan bahawa terdapat hubungan antara harga minyak mentah dan minyak sawit serta faktor utama dalam hubungan ini adalah tahap permintaan pasaran terhadap biodiesel.

Fry berkata, harga minyak sayuran di Kesatuan Eropah (EU) bertindak agak perlahan dalam menuruti kejatuhan Brent pada tahun 2015 berbanding tahun 2008. Terdapat

# MPOB anjur Lawatan ahli PAC ke Sarawak

Oleh Dr Kho Lip Khoo  
lip.khoo@mpob.gov.my

**Bintulu:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) buat julung kalinya menganjurkan Lawatan Ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) ke Plot Kajian MPOB di sini, baru-baru ini.

Lawatan itu disertai 10 ahli PAC dari Jawatankuasa Bahagian Biologi, Jawatankuasa Oleokimia dan Jawatankuasa Pemakanan Berkualiti.

Penganjuran lawatan bertujuan memperkenalkan penyelidikan ekologi dan sains ekosistem, khususnya kitaran karbon dan kesan pelepasan gas rumah hijau yang sedang giat dijalankan di Sarawak.

Program lawatan itu disusun oleh Kumpulan Persekitaran Gambut, Institut Penyelidikan Gambut Tropika (TROPI), Bahagian Biologi, MPOB.

Lawatan bermula dari Plot Kajian Hutan Primer (Lowland Dipterocarp Forest) di Taman Negara Bukit Lambir, Miri, ke ladang sawit di Ladang Lambir milik Sarawak Oil Palms Berhad di mana semua plot adalah di tanah mineral.

Lawatan pada hari kedua tertumpu kepada kawasan tanah gambut berhampiran pekan Sebauh di Bahagian Bintulu.

## Lawat plot kajian

Ahli PAC melawat plot kajian ladang sawit di Ladang Sebung/Sabaju (Sarawak Oil Palms Berhad) dan plot kajian hutan sekunder paya gambut berhampiran Ladang Sabaju.

Selain plot kajian, ahli PAC berpeluang melawat makmal peralatan TROPI, makmal kimia (Sarawak Oil Palms Berhad) serta ladang pekebun kecil kawasan tanah gambut.

Lawatan itu berjaya menarik minat semua peserta dan menerima maklum balas serta cadangan yang positif daripada ahli PAC.

Menurut mereka, usaha penyelidikan secara intensif ini akan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tinggi, terutama berkaitan isu alam sekitar dan kelestarian sektor industri sawit.



Ahli PAC yang turut serta dalam lawatan anjuran MPOB.

# Penggredan BTS penting untuk tentukan OER

» *Prosedur penting dalam menentukan harga buah sawit yang dibayar*

Oleh Nurhajar Mariam Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

Dalam menentukan kualiti buah sawit, langkah penggredan adalah fasa penting yang lazimnya dijalankan oleh penggred terlatih berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit keluaran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) atau mana-mana manual yang diiktiraf.

Prosedur ini penting dalam menentukan harga buah sawit yang dibayar mengikut kadar 1% kadar perahan minyak sawit (OER).

OER ialah jumlah atau kuantiti minyak sawit mentah yang dapat dihasilkan melalui pemrosesan daripada sejumlah buah tandan segar (BTS). OER dinyatakan dalam unit peratusan adalah parameter penting dalam pemrosesan BTS di sesebuah kilang.

Ada beberapa faktor yang mempengaruhi tingi atau rendah OER. Antaranya ialah faktor dalam kawalan pengurusan (manageable factors). Hal ini meliputi pungutan buah relai, kualiti BTS dan kecekapan kilang.

Selain itu, OER juga dipengaruhi oleh faktor tanaman itu sendiri iaitu membabitkan umur pokok, cuaca dan jenis baka.

BTS yang dihantar ke kilang akan digredkan berdasarkan peratusan kategori tandan dalam setiap muatan. Secara praktikal adalah sukar untuk memperolehi satu muatan yang mempunyai tandan berkualiti seratus peratus.

Usaha MPOB menerbitkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit adalah satu komitmen untuk menggalakkan kesedaran kualiti khususnya dalam kalangan pengusaha ladang dan pekebun-pekebun kecil.

## Tatacara penggredan

Manual ini menghuraikan tatacara penggredan yang meliputi kaedah persampelan, kaedah penggredan, pengiraan kadar perahan serta dokumen-dokumen yang perlu untuk penggredan.

Objektif manual penggredan buah sawit MPOB adalah untuk mempertingkatkan mutu buah kelapa sawit yang dipasarkan ke kilang.

Selain itu, ia mampu mempertingkatkan kualiti pengeluaran minyak sawit mentah.

Garis panduan manual ini juga dapat membantu mempertingkatkan kecekapan kadar perahan minyak dan isirung sawit di kilang.

Pembekal dan pengilang juga mampu mendapat pulangan yang setimpal hasil dari sistem penggredan yang dilakukan.

## Bagaimana kaedah penggredan dilakukan?

Dalam fasa ini, sampel BTS itu sendiri menjadi kayu ukur bagi kualiti buah sawit yang dituai. Sampel BTS yang telah dipilih ini digredkan bagi menentukan mutu tandan dan juga kadar perahan yang mampu dihasilkan.

Antara kaedah yang digunapakai adalah pemeriksaan dan penilaian mutu tandan, pengiraan penalti bagi tandan tidak bermutu, penetapan kadar perahan asas dan juga pengiraan kadar perahan digred.

Melalui pemeriksaan dan penilaian mutu tandan, terdapat beberapa garis panduan yang perlu yang telah ditetapkan.

Kerja penggredan BTS hendaklah dilakukan di hadapan pembekal atau wakilnya seperti

pemandu atau kelendan lori. Lori yang dipilih untuk digred hendaklah menurunkan muatannya di atas platform berhampiran 'loading ramp'.

Tandan sawit perlu dalam keadaan rata. Tidak boleh dalam keadaan longgokan atau bertindih satu sama lain. Seterusnya tandan bagi satu-satu muatan itu hendaklah direkodkan jumlah dan berat purata menggunakan formula: Berat Purata Tandan = Berat Muatan Bersih (kg) Mengikut Tiket Timbang/Jumlah Bilangan Tandan.

Daripada jumlah tandan ini, sebanyak 50-100 tandan sampel dipilih secara rawak dan diasingkan daripada baki tandan yang lain. Pemilihan saiz sampel minimum hendaklah berdasarkan kepada berat bersih muatan.

Tandan akan dikelaskan dengan lima kumpulan iaitu;

### ●Tandan Masak

Tandan segar yang berwarna oren kemerahan dan mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna oren. Tandan ini mempunyai sekurang-kurangnya 10 soket segar buah relai dan lebih 50% buah masih melekat pada tandan semasa pemeriksaan di kilang. Tandan dan buah relai hendaklah dihantar ke kilang dalam masa 24 jam selepas dituai.

### ●Tandan Mengkal

Tandan segar yang berwarna oren kemerahan atau ungu kemerahan dan mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna oren kekuningan. Tandan ini mempunyai kurang daripada 10 soket segar buah relai semasa pemeriksaan di kilang. Tandan dan buah relai hendaklah dihantar ke kilang dalam masa 24 jam selepas dituai.

### ●Tandan Muda

Tandan segar yang berwarna hitam atau ungu kehitaman dan mesokarpa buah lapisan luarnya berwarna kekuningan. Tandan ini tidak mempunyai soket segar buah relai semasa pemeriksaan di kilang. Soket buah relai (jika ada) pada tandan buah muda bukan disebabkan oleh proses kemasakan biasa.

### ●Tandan Kosong

Tandan yang lebih 90% buah telah relai dari tandannya semasa pemeriksaan di kilang.

### ●Tandan Busuk

Tandan yang sebahagian atau kesemua bahagian tandan dan buah relainya telah berubah warna kepada kehitaman, busuk dan berkulat. Kumpulan yang telah dikelaskan tadi akan direkodkan bilangan dan peratus ke dalam borang penggredan. Jumlah peratusan bagi lima kategori mutu tandan itu hendaklah genap seratus peratus (100%). Sampel tandan itu akan digred dan dikelaskan sekali lagi kepada lima kumpulan iaitu;

### ●Tandan Tangkai Panjang

Tandan segar yang mempunyai tangkai melebihi 5cm diukur dari paras terbawah tangkai tandan.

### ●Tandan Kotor

Tandan yang lebih separuh daripada permukaan buahnya berlumpur, berpasir, beramang dan dicampur dengan batu atau bahan asing yang lain.

### ●Tandan Dura


Tandan segar yang buahnya mempunyai ciri-ciri yang baik antaranya tiada gelung serabut di sekeliling biji.

### ●Tandan Lama

Tandan yang telah dituai dan dibiarkan lama di ladang sebelum dihantar ke kilang. Buah yang masih melekat pada tandan ini telah kecut dan berwarna perang kehitaman. Tangkainya juga telah kecut, lembut, berserabut dan warna kehitaman.

### ●Tandan Basah

Merujuk kepada BTS yang mempunyai kandungan air yang berlebihan.



Tandan masak



tidak mempunyai soket segar buah relai semasa pemeriksaan di kilang. Soket buah relai (jika ada) pada tandan buah muda bukan disebabkan oleh proses kemasakan biasa.

### ●Tandan Kosong

Tandan yang lebih 90% buah telah relai dari tandannya semasa pemeriksaan di kilang.

### ●Tandan Busuk

Tandan yang sebahagian atau kesemua bahagian tandan dan buah relainya telah berubah warna kepada kehitaman, busuk dan berkulat.

Kumpulan yang telah dikelaskan tadi akan direkodkan bilangan dan peratus ke dalam borang penggredan. Jumlah peratusan bagi lima kategori mutu tandan itu hendaklah genap seratus peratus (100%). Sampel tandan itu akan digred dan dikelaskan sekali lagi kepada lima kumpulan iaitu;

### ●Tandan Tangkai Panjang

Tandan segar yang mempunyai tangkai melebihi 5cm diukur dari paras terbawah tangkai tandan.

### ●Tandan Kotor

Tandan yang lebih separuh daripada permukaan buahnya berlumpur, berpasir, beramang dan dicampur dengan batu atau bahan asing yang lain.

### ●Tandan Dura

Tandan segar yang buahnya mempunyai ciri-ciri yang baik antaranya tiada gelung serabut di sekeliling biji.

### ●Tandan Lama

Tandan yang telah dituai dan dibiarkan lama di ladang sebelum dihantar ke kilang. Buah yang masih melekat pada tandan ini telah kecut dan berwarna perang kehitaman. Tangkainya juga telah kecut, lembut, berserabut dan warna kehitaman.

### ●Tandan Basah

Merujuk kepada BTS yang mempunyai kandungan air yang berlebihan.

## Penilaian mutu tandan

Dalam proses pemeriksaan dan penilaian mutu tandan ini, borang penggredan, tiket timbang dan dokumen perjanjian dengan pembekal jika ada perlulah dilampirkan. Hanya pembekal

Tandan kotor



yang mempunyai lesen MPOB yang sah sahaja diterima untuk proses penggredan.

Proses penggredan juga meliputi Pengiraan Penalti Ke Atas Tandan Tidak Bermutu.

Tandan buah sawit yang tidak bermutu akan dikenakan penalti mengikut sistem diskaun. Penalti yang akan dikenakan bergantung kepada keputusan penggredan seperti yang tercatat dalam borang penggredan.

Muatan yang mempunyai kuantiti BTS yang tidak bermutu dan melebihi had maksimum yang dibenarkan hendaklah ditolak dan dikembalikan kepada pembekal. Gari panduan yang ditetapkan adalah sekiranya bilangan tandan kosong melebihi dua puluh peratus (20%) atau bilangan tandan kotor melebihi tiga puluh peratus (30%).

Selain itu, proses penggredan juga membabitkan penetapan kadar perahan asas.

Kadar perahan asas ialah kadar perahan teoritik yang juga merupakan kadar perahan maksimum minyak dan isirung sawit. Kadar perahan asas boleh ditentukan dengan dua cara, iaitu berdasarkan umur pokok atau berdasarkan berat tandan. Kadar perahan asas

boleh ditentukan berdasarkan umur pokok dan boleh diketahui sekiranya tahun pokok ditanam diketahui. Kaedah ini sesuai untuk kilang-kilang yang memperolehi bekalan buah kelapa sawit daripada ladang milik mereka.

Penetapan kadar perahan asas berdasarkan berat tandan sesuai untuk kilang-kilang yang memperolehi sumber bekalan buah kelapa sawit daripada ladang-ladang luar atau peniaga tidak diketahui tahun pokok ditanam.

Berat purata tandan boleh dikira dengan membahagikan berat muatan bersih (seperti yang tercatat dalam tiket timbang) dengan jumlah bilangan tandan yang terhasil.

Proses akhir penggredan adalah melalui Pengiraan Kadar Perahan Digred.

Kadar perahan digred ialah kadar perahan minyak dan isirung yang boleh diberi kepada seseorang pembekal setelah penggredan dibuat ke atas mutu tandan buah sawit tersebut dan dikira mengikut sistem diskaun iaitu Kadar Perahan Digred = Kadar Perahan Asas - Penalti.

Kadar perahan digred hendaklah dicatatkan dalam Borang Ringkasan Penggredan Bulanan untuk tujuan pembayaran kepada pembekal.

Buah relai



The Premier Oil Palm Event is back!

The Malaysian Palm Oil Board is organising >>




6 - 8 October 2015  
Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia

The grand MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition (PIPOC) with five concurrent conferences will examine and discuss the many facets of the oil palm industry. PIPOC 2013 was attended by more than 2,200 participants from 48 countries.

**Book your place now to make sure you will be one of them in 2015!**

PIPOC 2015 features 5 concurrent conferences, namely:

- Agriculture, Biotechnology & Sustainability
- Chemistry, Processing Technology & Bio-Energy
- Food, Lifestyle & Health
- Oleo & Specialty Chemicals
- Global Economics & Marketing

Another attraction of the Congress is an Evening Forum on Current Issues. You may opt to be a: **SPEAKER, POSTER PRESENTER or PARTICIPANT** or your organisation may:

- EXHIBIT your products and/or services
- ADVERTISE in the Souvenir Programme of the Congress

For more information, kindly e-mail to: [pipoc2015@mpob.gov.my](mailto:pipoc2015@mpob.gov.my) or visit MPOB website at [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

Organised by



MALAYSIAN PALM OIL BOARD  
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia



# 9 isteri ahli PAC lawat lokasi menarik di Perak



Isteri ahli PAC mendengar taklimat ketika lawatan ke Bukit Merah Orang Utan Island Foundation.

» Lawatan berjaya beri pendedahan keunikan tarikan pelancongan di negeri Perak

Oleh Eaisah Mohd Darus  
eaisah@mpob.gov.my

► Bangi

**B**uat julung kalinya isteri Ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dibawa melawat ke tempat menarik dan bersejarah di sekitar

negeri Perak.

Sesi lawatan pada kali ini berbeza daripada tahun sebelumnya yang hanya memberi tumpuan kepada kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Lawatan turut disertai isteri Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Datin Mastura Dato' Mohd Yazid.

Program lawatan berkenaan di-

atur sempena Mesyuarat PAC yang diadakan setiap tahun bagi membincangkan cadangan serta perkembangan projek penyelidikan yang dilaksanakan oleh MPOB.

## Tinjau Menara Condong Teluk Intan

Program lawatan yang disertai sembilan isteri ahli PAC itu, antara lain melawat ke Menara Condong Teluk Intan. Peserta berpeluang meninjau pemandangan sekitar Bandar Teluk Intan ketika lawatan ke tingkat tiga bangunan mercu tanda itu.

Semasa lawatan ke Pusat Pengurusan Penyu Segari di Lumut, iaitu pusat pemeliharaan dan penetasan penyu di bawah seliaan kerajaan negeri Perak dan WWF, peserta memperoleh pengetahuan berkaitan cara pemeliharaan penyu dari peringkat penjagaan telur, penetasan dan pemeliharaan anak penyu sebelum dibebaskan ke laut.

Peserta turut berkesempatan membebaskan anak penyu yang cukup matang ke laut lepas.

Lawatan hari kedua semakin menarik apabila peserta berpeluang melawat pusat pemeliharaan orang utan di bawah kendalian Bukit Merah Orang Utan Island Foundation.

Rombongan disambut dan diberi taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bukit Merah Orang Utan Island Foundation, Dr D Sabapathy.

Menurutnya, pusat pemeliharaan orang utan itu dibangunkan sejak tahun 2000 dan yayasan itu dengan kerjasama kerajaan negeri Perak memperuntukkan dana penyelidikan dan pembangunan orang utan di Perak dengan menyediakan habitat semula jadi untuk haiwan berkenaan.

Di samping menjadi tumpuan pelancong, pusat ini juga menjalankan aktiviti penyelidikan pemuliharaan hutan, penyelidikan usaha sama dengan universiti tempatan dan antarabangsa serta menyediakan peluang latihan untuk pegawai veterinar dalam dan luar negara. Pusat ini juga giat memberi penerangan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan orang utan dan eko sistem di Malaysia.

Destinasi seterusnya ialah Kuala Kangsar di mana rombongan disambut oleh Datin Mastura Dato' Mohd Yazid.

Rombongan seterusnya mengunjungi tempat pengusaha labu sayong dan tekat benang emas. Peserta berpeluang mendengar taklimat mengenai pembuatan labu sayong secara tradisional dan moden serta cara-cara sulaman tekat benang emas.

Kunjungan ini memberi pendedahan mengenai keunikan kraftangan Malaysia yang mendapat pengiktirafan hingga ke peringkat antarabangsa.

Di Kuala Kangsar, rombongan turut mengunjungi Galeri Sultan Azlan Shah.

Pada hari terakhir, lawatan bertumpu ke Putrajaya iaitu Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang menjadi mercu tanda penting dalam sejarah perancangan bandar moden di negara ini.

Lawatan kali ini berjaya memberi pendedahan kepada delegasi isteri ahli PAC mengenai keunikan negeri Perak yang mempunyai pelbagai tarikan pelancongan serta menambah lagi koleksi kenangan manis mereka sepanjang berada di Malaysia.

# MPOB agih RM25j SBSPK bantu pekebun sawit

Oleh Zulkifli Abdul Manaf  
zulmanaf@mpob.gov.my

**Kerajaan** memperuntukkan sejumlah RM25 juta bagi membantu pekebun kecil sawit memperoleh baja sekali gus menyumbang kepada peningkatan pencapaian hasil buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi.

Peruntukan itu disalurkan melalui MPOB untuk diagihkan kepada pekebun kecil sawit melalui Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK).

## Tingkat hasil BTS

Pemohonan bagi mendapatkan SBSPK dibuka mulai Januari tahun ini. Di bawah skim ini pekebun kecil persendirian yang telah menanam sendiri sawit tanpa mendapat bantuan sama ada daripada Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) atau Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) adalah dipelawa untuk memohon bantuan baja di bawah



Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil membantu pekebun kecil meningkatkan pencapaian hasil buah tandan segar.

SBSPK.

Objektif SBSPK adalah untuk menyalurkan bantuan baja kepada pekebun kecil yang tidak menerima bantuan di bawah TSSPK atau TBSPK dan untuk meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) pekebun kecil.

Bantuan yang diberi adalah baja sebatian yang disyorkan jenisnya oleh MPOB untuk pokok sawit dengan nilai maksimum RM3,000 per hektar.

Pemohonan SBSPK hendaklah dikemukakan kepada Pegawai TUNAS di Pejabat TUNAS MPOB terdekat dengan tanah yang ditanam sawit.

Kelulusan permohonan untuk skim ini tertakluk kepada syarat-syarat permohonan dan peruntukan yang disediakan.

Borang permohonan boleh didapati daripada pejabat TUNAS terdekat dan laman web MPOB di [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

## INFO

### Syarat Permohonan SBSPK

- ⊕ Warga negara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan.
- ⊕ Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar. Had maksimum bantuan adalah 3 hektar sahaja.
- ⊕ Menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing.
- ⊕ Telah menanam semula atau tanam baru sawit di antara tahun 2011 hingga 2014.
- ⊕ Tidak menerima bantuan TSSPK atau TBSPK yang bermula daripada tahun 2011.
- ⊕ Syarat tanah adalah untuk tanaman sawit atau pertanian atau tiada sekatan untuk tanaman sawit.
- ⊕ Kawasan tanaman adalah sesuai seperti kecerunan kurang daripada 25 darjah, bukan kawasan air bertakung dan mempunyai akses untuk pengeluaran dan jualan hasil sawit.

# SKR di bawah peraturan GST bagi pekebun kecil sawit



Official Website  
MALAYSIA GOODS & SERVICES TAX (GST)  
Royal Malaysian Customs Department



**Portal permohonan secara 'online' Skim Kadar Rata (SKR) bagi pekebun kecil.**

» **Insentif untuk dapatkan kembali GST ditanggung ke atas pembelian input pertanian**

**Oleh Ayatollah Khomeini Ab Rahman**  
ayat@mpob.gov.my

**P**ekebun kecil sawit yang tidak mencatatkan nilai jualan buah tandan segar (BTS) melebihi RM500,000 setahun layak memohon untuk dikategorikan di bawah skim khas dikenali sebagai Skim Kadar Rata (SKR) di bawah peraturan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

SKR adalah satu insentif yang disediakan khas oleh kerajaan ke-

pada pekebun kecil bagi membantu mengurangkan kesan pelaksanaan GST kepada aktiviti mereka.

SKR adalah kemudahan untuk pekebun kecil sawit yang tidak layak berdaftar di bawah GST untuk mendapat kembali sebahagian GST yang ditanggungnya ke atas pembelian input pertanian seperti baja dan racun.

Namun begitu, pekebun kecil sawit hendaklah memiliki lesen pekebun kecil MPOB yang sah bagi membolehkan permohonan mereka dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Kastam.

Ini kerana MPOB sebagai salah

satu dari 16 agensi yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan GST bagi permohonan pendaftaran di bawah SKR.

Permohonan kelulusan SKR boleh dibuat oleh pekebun kecil sawit di atas talian dengan melayari laman sesawang [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my).

Pekebun kecil sawit telah diluluskan di bawah SKR boleh mengenakan kadar rata tambahan sebanyak 2% apabila menjual buah tandan segar (BTS) kepada pembeli yang berdaftar di bawah GST.

Berbeza dengan mekanisme GST, penerima SKR tidak perlu

mengembalikan kutipan SKR pada 2% kepada pihak Kastam. Sebagai contoh, sekiranya harga jualan BTS semasa adalah RM440 satu tan maka di bawah SKR pekebun kecil akan menikmati tambahan harga sebanyak RM8.80 satu tan apabila menjual BTS mereka.

Selain itu, peniaga BTS atau pengilang yang berdaftar di bawah GST boleh menuntut kembali SKR pada 2% yang dibayar kepada pekebun kecil sawit sebagai cukai input kepada pihak Kastam. Oleh itu, SKR ini bukan kos tambahan kepada pihak peniaga dan pengilang BTS.

## Kemuka penyata tahunan

Pekebun kecil sawit yang diluluskan di bawah SKR hendaklah mengemukakan penyata tahunan yang menunjukkan jumlah jualan dengan tambahan kadar rata 2% bersama bukti-bukti inoivis cukai yang diperolehi semasa proses urus niaga kepada pihak Kastam.

Selain itu, pekebun kecil sawit yang telah diluluskan di bawah SKR juga tidak boleh menuntut sebarang cukai input yang ditanggung ke atas pembelian inputnya.

Pekebun kecil sawit juga dikehendaki menyimpan dokumen bagi semua transaksi yang berkaitan dengan skim ini selama tujuh tahun dan tertakluk kepada audit apabila dikehendaki oleh pihak Kastam.

Sektor pekebun kecil sawit dijangka dapat mengekalkan kos pengeluaran mereka pada tahap yang kompetitif kesan daripada pelaksanaan GST.

Walaupun SKR telah ditetapkan pada kadar 2% tetapi ia dijangka memadai bagi menampung jumlah GST 6% yang dibayar oleh pekebun kecil sawit ke atas input pertanian mereka.

Ini kerana jumlah kutipan SKR pada 2% ke atas jualan BTS dijangka melebihi bayaran GST 6% ke atas input pertanian yang ditanggung oleh pekebun kecil sawit. Ini bersesuaian dengan tema GST itu sendiri iaitu 'Membangun dan Maju Bersama'.

# Masri terima anugerah hasil kesungguhan

**Hasil** kesungguhan tanpa mengenal penat lelah mengusahakan tanaman sawit sejak tahun 2005 akhirnya membuahkan hasil apabila Masri Yahya, 66, dipilih sebagai pemenang Anugerah Industri Komoditi 2014 bagi Kategori Pekebun Kecil Sawit Terbaik anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sempena Persidangan Pekebun Kecil dan Komoditi Kebangsaan 2015 (NSCEC) di Kuching pada Mac lalu.

Masri yang berasal dari Kuala Kurau, Pahang, mengusahakan tanaman sawit di kebun sawit miliknya seluas 3.44 hektar.

Pokok sawit ditanam di kebun ini sejak tahun 2005 adalah sebanyak 500 pokok dan kini telah berumur 9 tahun. Bahan tanaman

yang digunakan adalah DxP.

## Praktik amalan GAP

Berpandukan nasihat Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB, Masri mempraktikkan amalan pertanian yang baik (GAP) di kebun sawit beliau.

Antaranya seperti menyimpan rekod ladang dan beliau adalah salah seorang peserta dalam pemantauan BRL MPOB.

Hasil BTS yang direkodkan di kebun ini adalah sebanyak 36.43 tan sehektar pada tahun 2011, manakala hasil pada tahun 2012 adalah sebanyak 39.63 tan sehektar. Pada tahun 2013 pula beliau mendapat hasil sebanyak 40.94 tan sehektar.

Aktiviti ekonomi tambahan Masri adalah mengusahakan sa-

rang burung walit di kebun beliau. Aktiviti ini adalah bagi menambah pendapatan keluarga beliau.

Selain itu, Masri turut menggunakan mekanisasi ladang di mana traktor digunakan untuk mengangkut keluar buah tandan segar (BTS) daripada kebun dan juga memotong rumput yang tumbuh di kawasan kebun.

Bagi menambah ilmu pengetahuan berkaitan sawit, beliau sering mengikuti kursus dan program yang dianjurkan oleh pihak MPOB.

Beliau juga adalah salah seorang daripada Ahli Kelab 30 tan MPOB dan juga penerima sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) daripada pihak MPOB.

Masri amat menghargai usaha MPOB dalam membantu peke-



**Masri** di hadapan kediaman milik beliau.

bun kecil sawit untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan tentang sawit.

Beliau berharap pihak MPOB

akan meneruskan usaha murni ini untuk terus mendidik dan membantu pekebun kecil sawit di masa akan datang.



# Peraturan maklumat makanan baharu EU mula beri kesan

» Isu perlabelan 'tidak mengandungi minyak sawit' usaha ancang, burukkan industri

Peraturan baharu mengenai Maklumat Pemakanan Pengguna (FIC), yang berkuatkuasa sejak 13 Disember 2014 di Kesatuan Eropah (EU), telah merubah sama sekali hala tuju perdebatan mengenai label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit'.

Peraturan baharu FIC ini menegaskan bahawa label ini menyalahi undang-undang dan perlu dikesampingkan dengan sewajarnya.

Reaksi positif pertama berikutan penguatkuasaan peraturan baru FIC ini direkodkan di Belgium beberapa minggu lalu.

Dalam jawapannya kepada satu soalan Parlimen, Menteri Ekonomi dan Perdagangan Luar Negeri, Kris Peeters, mengakui peraturan baharu FIC ini memberi impak



kepada penggunaan label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit'.

Beliau dipetik sebagai berkata, di bawah peraturan FIC sebelumnya, semua produk makanan yang mengandungi minyak semula jadi hanya perlu melabelkan 'minyak semula jadi' dalam senarai bahan yang digunakan.

## Perlabelan lebih terperinci

Kini, ia perlu diikuti lebih terperinci dengan melabelkan jenis minyak semula jadi yang digunakan dalam produk itu.

Dengan peraturan baharu ini, pengguna boleh melihat sendiri jika minyak sawit digunakan dalam proses pengeluaran sesuatu

produk makanan.

Oleh kerana label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' tidak boleh digunakan lagi di bawah undang-undang baharu EU ini, Peeters berjanji berbincang dengan pengeluar makanan tempatan untuk mengkaji semula penggunaan label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' di Belgium.

Reaksi sebegini adalah perubahan besar dalam pendirian Kerajaan Belgium dan ia dilihat memberi harapan kepada jutaan penduduk yang bergantung hidup kepada sektor minyak sawit di Asia dan Afrika.

Ia juga boleh dilihat sebagai satu langkah penting ke arah penyingkiran muktamad sesuatu amalan pelabelan yang tidak adil seperti yang dibiarkan berleluasa di Belgium dan Perancis – satu-satunya negara di Eropah di mana label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' digunakan – dengan terlalu lama.

Berikutan penguatkuasaan peraturan baharu FIC ini, pengeluar makanan di Kesatuan Eropah kini perlu melabelkan dengan jelas jenis minyak sayuran termasuk minyak sawit yang di-

gunakan dalam produk keluaran mereka.

Justeru, langkah melabelkan sesuatu jenis minyak sayuran yang tidak digunakan dalam pembuatan sesuatu produk makanan adalah tidak masuk akal.

Tindakan ini hanya mengelirukan pengguna Eropah dan menjatuhkan nama baik pengeluar minyak sawit di seluruh dunia.

Pengeluar minyak sawit di Malaysia menerima baik keputusan Kerajaan EU menguatkuasakan peraturan baharu pemakanan FIC ini.

## Tidak mendiskriminasi

Ia dilihat tidak mendiskriminasi dan terpakai kepada semua jenis minyak sayuran. Jika dibandingkan dengan peraturan baharu FIC yang adil dan saksama, label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' adalah sebaliknya.

Label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' adalah kempen yang dilakukan syarikat tertentu – dan bukanlah suatu peruntukan undang-undang atau peraturan yang sah.

Ia adalah percubaan memburuk-burukkan minyak sawit dan mengancam industri minyak sawit serta ratusan ribu petani kecil di Malaysia.

Industri minyak sawit Malaysia adalah telus dan bertanggungjawab, dan tidak perlu dikaitkan dengan isu sebegini.

Beberapa pengeluar makanan seperti Delhaize, Galler, Casino dan Systeme U dilihat tidak telus atau tidak bertanggungjawab dalam amalan dan cara mereka menyampaikan maklumat.

Dengan terus menggunakan label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' pada produk jualan mereka, mereka telah menunjukkan tujuan sebenar yang tidak mempunyai apa-apa kaitan langsung dengan ketelusan atau memberi kesedaran kepada pengguna, seperti yang terlihat di bawah peraturan FIC yang baharu.

Ia hanyalah kata-kata cacian yang ditujukan kepada minyak sawit dan mengancam petani kecil di seluruh dunia. Amalan sebegini telah terbukti melanggar undang-undang kerajaan EU dan juga undang-undang tempatan di Perancis dan Belgium.

Reaksi Peeters mengenai pelabelan minyak sawit baru-baru ini dilihat mengakui perubahan keadaan semasa dengan penguatkuasaan peraturan baharu FIC iaitu label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' menjadi sama sekali tidak terpakai dan tidak sah.

Pendirian pihak berkuasa awam di Perancis juga dilihat telah berubah berikutan pengenalan peraturan baru FIC.

Direktorat Perancis yang me-

“  
Pengeluar minyak sawit di Malaysia menerima baik keputusan Kerajaan EU menguatkuasakan peraturan baharu pemakanan FIC ini”

ngawal selia penipuan (DGCCRF) baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' boleh dianggap mematuhi peraturan dalam beberapa kes atau melanggar peraturan lain.

Kenyataan ini satu lagi bukti bagaimana peraturan baharu FIC berjaya merubah hala tuju perdebatan mengenai label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit'.

Jika pihak berkuasa awam kini mengakui label ini menyalahi undang-undang, syarikat swasta perlu menghentikan penggunaannya serta merta.

Berikutan perkembangan ini, pihak Majlis Minyak sawit Malaysia menjangkakan Kerajaan Belgium dan Perancis dengan sokongan kedua-dua pihak berkuasa yang berwibawa – AFSCA di Belgium dan DGCCRF di Perancis – akan menguatkuasakan undang-undang FIC baharu ini dan mengharamkan sepenuhnya penggunaan label 'Tidak Mengandungi Minyak Sawit' di kedua-dua negara.

## Elak penyelewengan

Kerajaan EU juga ada peranan penting dalam isu ini. DG SANTE, badan yang menyelia semua peraturan pelabelan makanan di EU, perlu memastikan peraturan baharu mereka dilaksanakan dengan betul dan mengambil tindakan terhadap sebarang penyelewengan.

Ketika ini masih terdapat beberapa peruncit besar di Eropah yang menggunakan label yang mendiskriminasi serta bertentangan dengan peruntukan-peruntukan dalam peraturan FIC. Majlis Minyak Sawit Malaysia menjangkakan DG SANTE akan mengetahui tindakan susulan untuk menangani isu ini.

Peeters mengambil langkah yang tepat oleh Kerajaan Belgium ke arah yang betul.

Kini sudah tiba masanya untuk syarikat dan pengawal selia di Belgium dan Perancis untuk mengambil langkah yang betul dengan menguatkuasakan sepenuhnya peraturan baru FIC dan menghapuskan penggunaan label haram ke atas produk-produk makanan sama sekali.

## Artikel

ini telah disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal, No palm oil labels in Belgium – A turning point in the debate oleh Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron. Sila layari [www.palmoiltoday.net](http://www.palmoiltoday.net) untuk salinan penuh artikel ini

**Palm Oil Video Contest**

1st **RM7000**

2nd **RM4000**

3rd **RM2000**

6x consolation prizes GoPro

[www.facebook.com/palmoiltv](http://www.facebook.com/palmoiltv)

# Kebaikan minyak sawit dari segi pemakanan

**M**inyak sawit adalah salah satu komponen penting dalam industri minyak dan lemak dunia yang menyumbang 32.9 peratus dalam perdagangan global.

Dari segi kepenggunaan dalam makanan, minyak sawit nyata punya signifikan yang cenderung dilihat daripada khasiat dan nutrisi yang terkandung dalam setiap titis keemasannya.

Minyak sawit menjadi pilihan bagi penghasilan produk makanan kerana ciri yang istimewa seperti lebih stabil, jangka hayat yang lebih lama dan khasiat pemakanan yang tinggi.

Penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi memperluas kegunaan minyak dan produk sawit dalam bidang pemakanan dan pemakanan penting kerana 85 peratus digunakan untuk penghasilan produk makanan.

Seperti minyak lain, minyak sawit boleh digunakan untuk menghasilkan produk makanan dan bezanya hanyalah dari aspek jumlah yang digunakan.

Hasil kajian oleh pakar pemakanan, penggunaan minyak sawit dan minyak isirung sawit dalam pembuatan aiskrim bukan sahaja menghasilkan aiskrim lembut dan gebu, tetapi tidak mudah rosak.

Melalui proses pemisahan, minyak sawit dan minyak isirung sawit boleh menjadi pengganti lemak koko (CBR).

CBR hasil dari proses minyak sawit menghasilkan produk dengan permukaan

berkilat, dapat bertahan lebih lama dan mudah cair apabila dimasukkan ke dalam mulut.

Krimer hasil minyak sawit juga boleh menggantikan penggunaan krimer tenusu dalam penyediaan minuman kopi, serta ia tahan lebih lama dan lebih mudah digunakan serta tidak mudah mengalami oksidasi, satu ciri yang mampu mengelakkan rasa tidak enak apabila kopi diminum.

Santan berasaskan sawit juga memiliki nilai pemakanan yang baik kerana ia mengandungi lemak tepu yang rendah. Ia tahan lebih lama daripada tengik kerana mempunyai anti oksidasi semulajadi seperti tokoferol dan tokotrienol.

Ia juga tidak mudah basi walaupun ditinggalkan dalam suhu bilik. Pada suhu 15°C pula, ia dapat bertahan untuk tempoh sekurang-kurangnya selama tiga bulan.

Lelembak sawit juga boleh digunakan sebagai lelembak istimewa bagi menggantikan lemak haiwan dalam pembuatan makanan berasaskan daging seperti sosej, burger, bebola daging dan ayam, serta nuget. Selain tanpa kolestrol dan mikrob makanan perosak, ia adalah makanan bersih dan halal untuk dinikmati.

Hasil penyelidikan MPOB dan kajian pakar pemakanan dan saintis dalam dan luar negara membuktikan minyak sawit tidak memudaratkan kesihatan dan berkhasiat.



**INFO**

**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 – PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

☉ Nur Aqilah Aliah Lukman (No. K/P: 990130-01-7296)  
 ☉ SMK (P) Temenggong Ibrahim, Jalan Kenangan, 83000 Batu Pahat, Johor

Hasil kajian mendapati minyak sawit tidak berperanan sebagai minyak tepu. Asid lemak tidak tepu dan asid lemak tepu yang terdapat dalam minyak sawit berkhasiat untuk membekalkan tenaga dan membina sel, hormon serta tisu badan.

Produk sawit kaya dengan kandungan fitonutrien, Vitamin E, tokotrienol dan tokoferol, dan anti oksidasi bagi pencegahan penyakit kanser, penyakit jantung, katarak dan lain-lain penyakit.

Vitamin E dan karatenoid sawit merupakan anti oksidasi yang kuat dan mampu melindungi badan daripada molekul berbahaya (iaitu radikal bebas) yang boleh merosakkan sel, menyebabkan kanser dan penyakit kronik yang lain.

# Minyak sawit mampan berupaya penuhi permintaan pasaran dunia

**M**alaysia dan Indonesia adalah pengeluar terbesar pasaran minyak sawit dunia merangkumi kira-kira 85 peratus.

Walau bagaimanapun sektor minyak sawit menghadapi pelbagai halangan daripada pihak tertentu yang tidak ingin melihat industri sawit menjadi sumber minyak dan lemak utama dunia demi menjaga komoditi negara masing-masing seperti minyak soya dan sayuran serta bijirin lain.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pihak swasta sentiasa memastikan penghasilan minyak sawit mampan selaras dengan permintaan pasaran dan tuntutan pihak pengguna seluruh dunia.

MPIC akan memastikan amalan yang diguna pakai oleh industri bagi menghasilkan minyak sawit adalah amalan baik pertanian (GAP) yang mesra alam dan tidak menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang mengakibatkan perubahan kepada iklim dunia.

Industri sawit Malaysia komited melaksanakan amalan pertanian mampan dengan mewujudkan keseimbangan dalam melaksanakan tanggungjawab pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Komitmen Malaysia dalam melaksanakan amalan

pengeluaran minyak sawit mampan dapat dilihat melalui amalan pensijilan mampan yang dilaksanakan oleh MPOB yang bertujuan memupuk amalan baik dalam rantaian pengeluaran minyak sawit.

Industri sawit Malaysia terbabit dengan beberapa skim pensijilan seperti Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan skim dilaksanakan MPOB seperti Codes of Practice (CoP), International Sustainability and Carbon Certification Scheme (ISCC) dan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Pensijilan MSPO mengandungi tujuh prinsip kemampanan yang turut membabitkan sektor pekebun kecil, perladangan dan pengilangan bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil sawit yang tinggi dan berkualiti melalui Amalan Pertanian Baik dan pemuliharaan alam sekitar, perlindungan hidupan liar dan jaminan keselamatan makanan.

Perlaksanaan pensijilan MSPO memastikan semua sektor dalam industri sawit melaksanakan pensijilan mampan yang meningkatkan bekalan minyak sawit yang dihasilkan secara mampan dan memperluas pasaran minyak sawit Malaysia.

Pelaksanaan COP pula yang meliputi setiap rantaian pengeluaran daripada sektor hulu kepada sektor hiliran adalah sejajar dengan keperluan penghasilan minyak sawit mam-



**INFO**

**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 – AWAM**

☉ Lukman Mohamed Salleh (No. K/P: 681113-01-5273)  
 ☉ No. 7 L, Pt. Abdul Rahman, Mukim. 4, Simpang Kiri, 83000 Batu Pahat, Johor

pan bagi meningkatkan daya saing dan imej di pasaran antarabangsa.

Kod Amalan Baik itu membabitkan enam sektor utama iaitu Kod Amalan Baik Estet dan Pekebun Kecil; Kod Amalan Baik Kilang Sawit; Kod Amalan Baik Pelumat Isirung Sawit; Kod Amalan Baik Kilang Penapis Minyak Sawit; Kod Amalan Baik Pusat Penyimpanan, Pengendalian dan Pengangkutan Minyak Sawit dan Minyak Isirung Sawit; dan Kod Amalan Baik Taq Semaian Sawit.

Penerimaan MSPO, standard baharu yang ditetapkan Malaysia oleh pasaran dunia merupakan antara cabaran MPIC.

MSPO diwujudkan sebagai standard pensijilan nasional yang mengambil kira undang-undang dan peraturan negara berbanding standard sedia ada iaitu RSPO.

## Peraduan mengarang esei Berita Sawit Bulan Mei 2015

**Peraduan** ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1- Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)**

Tajuk: "Minyak sawit diterima di peringkat antarabangsa. Bincangkan".

**Kategori 2- Awam**

Tajuk: "Isu pelabelan produk 'tanpa minyak sawit' jejas pasaran sawit. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima; Hadiah Pertama : RM250  
 Hadiah Kedua : RM200  
 Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Jun 2015 akan datang.

**Syarat Penyertaan:**

☉ Kategori 1: Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5

☉ Kategori 2: Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas, dan bukan kakitangan atau ahli keluarga kakitangan MPOB

☉ Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan

☉ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan dan sertakan sekeping gambar ukuran passport

☉ Keputusan juri adalah muk-

tamad

☉ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Mei 2015  
 ☉ Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
 Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan April 2015

Pemenang Kategori 1- Pelajar Sekolah Menengah

**Hadiah Pertama**

Nur Aqilah Aliah Lukman (No. K/P: 990130-01-7296)  
 SMK (P) Temenggong Ibrahim  
 Jalan Kenangan  
 83000 Batu Pahat, Johor

**Hadiah Kedua**

Nur Nilam Puteri Azizul Putera (No. K/P: 010602-14-0350)  
 SMK Jalan Kota Tinggi  
 86000 Kluang, Johor

**Hadiah Ketiga**

Mohamad Akmal Abd Samad (No. K/P: 990927-08-5085)  
 SMK Tinggi Kajang  
 Jalan Semenyih  
 43000 Kajang, Selangor

**Pemenang Kategori 2- Awam Hadiah Pertama**

Lukman Mohamed Salleh (No. K/P: 681113-01-5273)  
 No. 7 L, Pt. Abdul Rahman Mk. 4, Simpang Kiri  
 83000 Batu Pahat, Johor


**Hadiah Kedua**

Mohd Zain Dollah (No. K/P: 650426-03-5097)  
 No. 3, Jalan Nuri 1  
 Taman Nuri  
 08000 Sungai Petani Kedah

**Hadiah Ketiga**

Wan Abdul Azim Wan Abdullah Sabary (No. K/P: 890719-14-5989)  
 No. 20, Jalan Halaman 4  
 Taman Halaman  
 68000 Ampang, Selangor


Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas **bergambar dengan delegasi Ahli Parlimen Perancis yang mengunjungi Ibu Pejabat MPOB** di Bangi, baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh, Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



**Delegasi dari Tanzania** yang mengunjungi MPOB bergambar bersama Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan isteri, Datin Mastura Dato' Mohd Yazid beramah mesra bersama tetamu yang hadir pada **Majlis Makan Malam PAC** yang diadakan di Putrajaya, baru-baru ini.



Isteri Pengerusi MPOB, Datin Mastura Dato' Mohd Yazid dan isteri ahli PAC MPOB **melihat cara pembuatan labu sayung ketika lawatan ke Kuala Kangsar**, Perak baru-baru ini. Program lawatan isteri-isteri ahli PAC diatur sempena Mesyuarat PAC MPOB yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB di Bangi, Selangor.

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) MPOB yang hadir bagi **Mesyuarat PAC ke 35**, di Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.